

**BELANJAWAN 2022: WISMA PUTRA MENYOKONG BELANJAWAN NEGARA YANG INKLUSIF DAN B...**

Print

**BELANJAWAN 2022: WISMA PUTRA MENYOKONG BELANJAWAN NEGARA YANG INKLUSIF DAN BERIMPAK TINGGI**

Wisma Putra mengalu-alukan Belanjawan 2022 yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan Malaysia pada 29 Oktober 2021. Belanjawan ini adalah penting kepada Keluarga Malaysia dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas akibat krisis pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

Secara keseluruhan, Wisma Putra telah diperuntukkan sebanyak RM868,506,400.00 bagi tahun 2022 berbanding RM777,913,400 pada tahun 2021. Dari jumlah tersebut, Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan Tahun 2022 mencatatkan kenaikan masing-masing sebanyak 8.13% dan 44.68% dari peruntukan yang diluluskan pada tahun 2021.

Wisma Putra terus komited dalam memperkukuh kepentingan serta memperluas peranan dan pengaruh Malaysia di persada antarabangsa. Sehubungan itu, Malaysia akan terus memastikan penglibatan aktif dan efektif secara konsisten di platform antarabangsa dan serantau bagi mempertahankan pendirian serta pandangan Malaysia dalam isu-isu global, antaranya ekonomi digital, diplomasi kesihatan, keselamatan siber, pembangunan mampan, pelucutan senjata nuklear dan perubahan iklim.

Mengambil kira pandemik COVID-19 yang telah mengubah lanskap diplomasi antarabangsa, Wisma Putra akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi serta memberi pulangan faedah kepada negara melalui platform dua hala dan pelbagai hala. Inisiatif-inisiatif ini antara lain meliputi kerjasama dan kolaborasi strategik dalam pengiktirafan sijil vaksinasi COVID-19 serta program kerjasama antara syarikat pengeluar produk perubatan dan farmaseutikal dengan negara-negara berkepentingan, program "travel bubble" dan "reciprocal green lane" bagi menggalakkan pembukaan sempadan serta pengembangan produk Malaysia yang lebih bersasar. Langkah ini penting sebagai usaha untuk merancakkan semula hubungan Malaysia dengan ekonomi global dalam pasca pandemik serta mengangkat martabat Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

Ke arah memastikan penglibatan aktif Malaysia di fora serantau dan antarabangsa, Wisma Putra akan menggunakan peruntukan Belanjawan 2022 untuk memperkasa peranan dan fungsi Pejabat-Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara melalui komunikasi strategik dan diplomasi awam yang efektif. Usaha ini, antara lain merangkumi pemerksaan penyampaian perkhidmatan konsular kepada rakyat Malaysia berasaskan diplomasi digital. Belanjawan 2022 akan turut dimanfaatkan bagi menaiktaraf kemudahan ICT serta infrastruktur, penambahbaikan kebajikan pegawai serta pembangunan modal insan melalui program dan peluang latihan yang berterusan dalam usaha memperkasa Wisma Putra.

Kesemua inisiatif dan keutamaan ini adalah selaras dengan Kerangka Dasar Luar Malaysia serta Pelan Strategik Kementerian 2021 – 2025. Wisma Putra yakin bahawa semua inisiatif dan aktiviti yang dirancang bagi tahun 2022 akan dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui kerjasama berterusan dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta kolaborasi strategik dengan Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**

30 OKTOBER 2021